

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana agensi di bawah Kementerian seperti Balai Seni Negara, Istana Budaya, Jabatan Muzium Negara dan lainnya dimanfaatkan sepanjang tempoh pandemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Walaupun negara sedang menghadapi pelbagai cabaran dalam menangani pandemik COVID-19, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta agensi-agensi di bawah seliaannya tetap komited dalam meneruskan usaha memartabatkan seni, budaya dan warisan kebangsaan. Pelbagai program telah dilaksanakan, termasuklah penganjuran aktiviti secara dalam talian serta membangunkan platform digital yang memudahkan interaksi di antara penganjur dan peserta program.
2. Kementerian ini melalui Balai Seni Negara telah mengatur perancangan program-program dengan kesesuaian keadaan semasa, melalui pendekatan Disentralisasi, Norma Baharu dan *Alternative Strategy* (DNA). Melalui pendekatan ini, pelaksanaan program tidak lagi hanya tertumpu di Kuala Lumpur, sebaliknya merentasi pelbagai negeri bagi membawakan seni kepada masyarakat, serta memfokuskan kepada penglibatan masyarakat itu sendiri dalam menghayati seni.
3. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Bakat Muda Sezaman 2021 – Seni Di Lokasi yang menekankan konsep karya seni di lokasi pilihan peserta masing-masing. Program *Rural Experiential Art Tourism* (Re-Art) dengan membawakan program-program bengkel dan pameran seni anjuran penggiat seni tempatan di kawasan-kawasan pedalaman juga telah dilaksanakan di Pahang, Johor dan Langkawi.
4. Penggunaan platform digital dimanfaatkan oleh Balai Seni Negara dalam membawakan program-program perkongsian dan pendidikan ketika tempoh pandemik ini. Portal *Go Gallery* dan *Provisual* telah diperkenalkan bagi penggiat seni berkongsi aktiviti dan karya masing-masing, selain daripada penganjuran siri webinar.

NO. SOALAN : 30

5. Di samping itu, program latihan keusahawanan seni “Young Art Entrepreneurs (YAE!)” juga turut dijalankan secara atas talian untuk melatih usahawan seni sepanjang tempoh pandemik ini.

6. Istana Budaya pula telah menganjurkan pengajaran dan pembelajaran muzik secara digital bagi mengatasi kekangan pergerakan dan limitasi jarak yang menghalang aktiviti pengajaran, latihan dan persembahan dilaksanakan agar industri seni muzik terus berjalan selaras dengan perkembangan digitilisasi yang memungkinkan capaian lebih mudah dan menyeluruh.

7. Walaupun tidak beroperasi sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mempergiatkan program perkongsian ilmu dan pendidikan berteraskan sejarah, budaya serta alam semula jadi negara. Penganjuran pertandingan, kuiz dan sebagainya dilaksanakan secara dalam talian. Antara program yang berjaya dilaksanakan termasuk Tanya Kurator (22 siri), Wacana Muzium Diraja (33 siri), Webinar Kemerdekaan (4 siri), Majlis Pelancaran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2021, dan Pertandingan Rekabentuk Muzium.

8. Selain itu, pameran maya diadakan dengan kolaborasi muzium-muzium negeri dan institusi bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2021. Pameran berbentuk 360 darjah dilaksanakan antaranya *The Lost Kingdom*, Kuasa Emas, Wayang Kulit Nusantara: Symbolisme di Sebalik Layar, Tenung Songket ASEAN, Gambus Serantau dan Chetti Wajah-wajah Malaysia. Untuk makluman, Muzium Kota Kayang di bawah seliaan JMM kini boleh dilawati secara maya.

Sekian, terima kasih.